



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

STATISTIK HARI INI OLEH DOSM

PADA 12:00 TENGAH HARI

STATS ALERT: #185
29 OGOS 2023

Statistik Kecenderungan Perniagaan Suku Tahun Ketiga 2023

+4.7%

ST3 2022

+3.2%

ST4 2022

+3.6%

ST1 2023



-3.1%

ST2 2023


+0.7%

ST3 2023


Peniaga kembali optimis dengan sentimen keyakinan perniagaan mencatatkan peningkatan 0.7 peratus bagi ST3 2023



+0.7%
(-3.1%)
Petunjuk
Keyakinan
(Julai – Sept. 2023)
(Apr. – Jun 2023)



+13.9%
(+14.9%)
Imbangan Bersih
(Julai – Dis. 2023)
(Jan. – Jun 2023)



* Pertanian, Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik & Air



** Penginapan, Pengangkutan & Penyimpanan, Komunikasi, Kewangan, Insurans, Hartanah, Teknologi Maklumat & Komunikasi, Makanan & Minuman, Pentadbiran dan Sokongan, Profesional, Kesihatan, Pendidikan dan Perkhidmatan Lain

Sumber: Statistik Kecenderungan Perniagaan Suku Ketiga 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Data Siri Masa

Peratus (%)

PETUNJUK KEYAKINAN SUKU TAHUNAN, MALAYSIA 2018-2023



Peniaga kembali optimis dengan sentimen keyakinan perniagaan mencatatkan peningkatan 0.7 peratus bagi ST3 2023

- Peniaga meramalkan keadaan perniagaan yang bertambah baik untuk suku tahun ketiga 2023 dengan petunjuk keyakinan positif iaitu 0.7 peratus berbanding -3.1 peratus pada suku tahun kedua 2023.
- Jangkaan perniagaan positif disokong oleh sektor Perkhidmatan dan Industri. Sektor Perkhidmatan terus optimis terhadap prospek perniagaan dengan petunjuk keyakinan +6.1 peratus berbanding +3.9 peratus pada suku tahun sebelumnya. Pada masa yang sama, sentimen dalam sektor Industri melonjak kepada trajektori positif dengan mencatatkan +1.3 peratus berbanding -2.1 peratus pada suku tahun kedua 2023.
- Sebaliknya, sektor Pembinaan terus menjangkakan keadaan perniagaan yang negatif dengan petunjuk keyakinan -26.9 peratus pada suku tahun ketiga 2023. Begitu juga, sektor Perdagangan Borong & Runcit kekal pesimis dengan petunjuk keyakinan yang lebih baik -1.5 peratus pada suku tahun rujukan daripada -10.2 peratus pada suku tahun kedua 2023.
- Melihat kepada sentimen perniagaan untuk enam bulan akan datang berakhir Disember 2023, peniaga kekal optimis, meskipun dengan imbalan bersih yang lebih rendah iaitu +13.9 peratus daripada +14.9 peratus direkodkan sebelum ini.
- Sektor Perkhidmatan menjangkakan situasi perniagaan yang menggalakkan dalam enam bulan akan datang dengan imbalan bersih +27.0 peratus berbanding +30.1 peratus yang dicatatkan bagi tempoh April hingga September 2023. Begitu juga, sektor Industri menjangkakan keadaan perniagaan yang lebih baik dengan imbalan bersih +9.7 peratus berbanding +15.6 peratus.
- Di samping itu, sentimen dalam sektor Perdagangan Borong & Runcit meningkat dengan imbalan bersih +7.2 peratus dibantu oleh prospek yang lebih baik dalam sub-sektor Perdagangan Borong. Sektor Pembinaan turut meramalkan keadaan perniagaan yang positif dengan imbalan bersih +2.6 peratus berbanding -7.7 peratus yang dicatatkan sebelum ini.

Dikeluarkan oleh: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia

